



# Bidang Keusahawanan Perkasakan WANITA

**P**ERANAN wanita sebagai tunjang dalam membina unit keluarga yang kukuh, sebagai peniup semangat dan menjadi inspirasi dalam usaha membina masyarakat yang berjiwa besar lagi bermaruah memang tidak mampu dipertikaikan lagi. Dalam fokus kali ini, penulis Siti Hajar Mahmud cuba mengupas dan mendekati insan lembut berjiwa waja ini dalam pembabitan mereka secara langsung juga peranan yang mereka mainkan di dalam usaha membantu meningkatkan ekonomi keluarga serta peranan mereka di dalam membantu menjana ekonomi negara melalui dunia keusahawanan yang mereka ceburi. Ikuti pelbagai sudut menarik perihal perit jerih dan kegigihan mereka untuk membuktikan bukan sahaja keupayaan melaksanakan kerja tetapi tekad dan azam mereka menyaingi kaum lelaki yang sekian lama memonopoli bidang tersebut.

"Wanita merupakan sumber penting ekonomi negara. Aksesibiliti wanita kepada pendidikan dan latihan telah meningkatkan mobiliti mereka untuk mendapatkan pekerjaan lebih baik. Hari ini kita bukan sahaja mempunyai ramai profesional dan usahawan wanita yang berjaya, kita

juga berbangga dengan pencapaian wanita dalam beberapa bidang yang dahulunya dianggap *bastion* lelaki. Negara kita mempunyai calon angkasawan wanita, seorang wanita yang telah merentasi kutub selatan dan seorang ratu skuasy dunia.

"Pada masa ini, kerajaan menyediakan RM20 juta pemberian bantuan khas tahunan untuk NGO melaksanakan program wanita, keluarga dan masyarakat....," (petikan daripada pembentangan RMK-9 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi).

Tanpa dapat disangkal lagi, wanita memainkan peranan penting dalam pembangunan negara khususnya dalam pembangunan ekonomi. Walaupun tidak ada perangkaan tepat yang menunjukkan peratusan sumbangan mereka, namun dengan kewujudan perusahaan yang diterajui oleh wanita sama ada diperingkat bawah, sederhana dan mereka yang telah pun mencipta nama dalam bidang keusahawanan, jelas membuktikan wanita di negara ini berjaya meletakkan diri mereka setanding dengan kaum lelaki untuk sama-sama menjana pembangunan negara.

Tidak hairanlah dalam pembentangan RMK-9 baru-baru ini, agenda memperkasakan wanita turut dibentangkan yang mana kerajaan telah membuka seluas-luasnya peluang pada wanita untuk meneroka setiap ruang yang ada dalam usaha memperkasakan peranan dan status wanita di negara ini. Persoalannya, mampukah golongan wanita khususnya mereka yang mahu menceburi bidang usahawan menyahut cabaran ini?

Justeru, sekiranya mereka mahu memulakan perusahaan secara kecil-kecilan mahupun sederhana, saluran manakah yang boleh mereka rujuk untuk mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat. Fokus WANITA pada Januari 2007, permulaan bagi tahun baru ini melihat kemampuan kaum wanita dalam bidang keusahawanan sama ada dalam bidang peruncitan, masakan, pertanian, perindustrian, pelaburan, francais dan sebagainya.

Dalam masa yang sama beberapa orang wanita yang berjaya dalam bidang usahawanan ini berkongsi pengalaman mereka ketika memulakan perniagaan dan berkongsi segala suka duka, pahit maung dalam dunia keusahawanan. Jika tidak berani menyahut cabaran dan menanggung risiko, bukan usahawan namanya. Inilah yang menjadi kunci utama usahawan wanita yang begitu tegar menguruskan perusahaan yang diusahakan melalui hasil titik peluh sendiri tanpa mengira penat dan lelah. Sanggup mengharugi segala rintangan tanpa menjejaskan maruah diri sebagai seorang wanita. Semangat seperti ini yang perlu dicontohi oleh rakan-rakan wanita lain yang mempunyai minat untuk memulakan perusahaan sendiri walaupun ia bermula di rumah sendiri.

Sebenarnya peluang untuk memulakan perusahaan telah banyak disediakan oleh pihak kerajaan melalui agensinya. Sebagai contohnya, Permodalan Nasional Berhad telah membantu mewujudkan usahawan bumiputera dalam sektor elektronik serta teknologi, komunikasi dan maklumat (ICT).

Sementara itu Skim Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan atau PROSPER diwujudkan semenjak tahun 2000 lagi, bertujuan untuk membangunkan usahawan bumiputera dalam perniagaan runcit. Malah sehingga kini, lebih seribu peniaga runcit berjaya diwujudkan. Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Perbadanan Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SMIDEC) juga disediakan untuk membantu usahawan memulakan dan membekalkan perniagaan. Begitu juga dengan Bank Simpanan Nasional dan Amanah Ikhtiar Malaysia turut menyediakan kemudian kredit mikro.

Malah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian turut menawarkan kursus untuk melahirkan usahawan. Pada 21 hingga 26 November lalu, Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2006 telah berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia, Serdang yang membuka ruang kepada usahawan muda tempatan menceburi bidang asas tani. Pameran asas tani yang terbesar di Asia Tenggara itu

mempamerkan pelbagai teknologi asas tani, daripada peringkat pengeluaran hinggalah ke produk akhir.

Di samping itu, sejak penubuhannya pada 3 Oktober 2005, Bank SME ataupun Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Bhd. berjaya memainkan peranannya dalam usaha membantu usahawan kecil dan sederhana.

Sebagai sebuah pusat sehati yang bergiat memenuhi permintaan bantuan kewangan dan pembangunan perniagaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia, Bank SME melengkapkan lagi produk dan perkhidmatan sedia ada yang ditawarkan oleh bank-bank komersial melalui gabungan khidmat perniagaan yang sistematik dan komprehensif. Peranan utama bank ini adalah untuk menyumbang ke arah komuniti usahawan yang lebih berdaya saing di Malaysia. Ia merupakan anak syarikat milik

penuh Bank Pembangunan Malaysia Berhad, beroperasi melalui ibu pejabatnya di Kuala Lumpur dan 16 cawangannya di seluruh negeri.

Di samping itu, peluang untuk maju dan berdaya saing sememangnya sedia ada untuk para wanita yang mahu menceburi bidang usahawan dengan menyertai persatuan yang mewakili peniaga mahupun usahawan wanita. Sebenarnya persatuan yang sedia ada seperti Persatuan Usahawan Wanita Bumiputera Malaysia (Usahanita), Persatuan Wanita Bumiputera (Peniagawati), Persatuan Rangkaian Usahawan Wanita (WENA), dan lain-lain memainkan peranan penting demi kepentingan ahli serta wanita yang terlibat dengan bidang usahawan. Walaupun masing-masing mempunyai hala tuju serta matlamat tersendiri tetapi perwakilan mereka dalam setiap persatuan ini sebenarnya membuktikan wujudnya sikap tolong-menolong antara satu sama lain untuk sama-sama memperjuangkan dan memperkasakan wanita di negara ini.

### Perlunya Bank Wanita

Malah ura-ura menubuhkan bank wanita bakal memberi impak besar pada wanita. Cadangan bernas yang dibawa oleh Pergerakan Wanita UMNO dalam Perhimpuan Agong UMNO 2005 dibangkitkan semula oleh wakil Pergerakan Puteri UMNO dalam Perhimpuan Agong UMNO 2006, Datin Maizatul Akmal Alawi. Beliau berkata, dengan tiga penubuhan bank wanita itu nanti ia bukan saja dapat me-

lahirkan usahawan wanita malah ia mampu menyelesaikan masalah kewangan di kalangan para usahawan. Faktor kewangan yang menjadi halangan utama dijangkakan dapat diatasi dengan adanya bank tersebut nanti.

Satu pernyataan menarik daripada Maizatul ialah wanita adalah 'pembayar hutang' yang lebih baik berbanding lelaki. Justeru, pasti ramai wanita Melayu negara ini akan merebut peluang ini untuk meluaskan perniagaan kecil-kecilan mereka kepada perusahaan berskala besar.

Hal ini turut diakui kebenarannya oleh Naib Canselor Kolej Universiti Teknologi Antarabangsa Twintech (IUCTI) merangkap Presiden Persatuan Kebangsaan Institusi Perguruan Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia, Prof. Datuk Dr. Isma Md. Salleh. Beliau yang ditemui di pejabatnya berkata, satu ciri atau sikap yang ada pada wanita menjadikan golongan ini amat berpotensi untuk dijana-

kan sebaik mungkin bagi merealisasikan bidang keusahawanan sebagai satu profesion di kalangan wanita. Apa yang dimaksudkan oleh beliau ialah sikap *financial discipline* (disiplin kewangan) di mana kaum wanita lebih berdisiplin dalam melakukan pembayaran balik pinjaman daripada institusi kewangan. Seperti mana yang dinyatakan oleh Maizatul bahawa wanita adalah 'pembayar hutang' yang lebih baik, ia membuktikan wanita mampu untuk berjaya dalam bidang keusahawanan.

"Sebenarnya kaum wanita memang telah lama terlibat dengan dunia keusahawanan. Jika kita lihat di Kelantan dan juga Kedah, kebanyakan yang berniaga secara kecil-kecilan di pasar adalah wanita. Di pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, majoriti yang berniaga di dalamnya adalah kaum wanita. Ini menunjukkan bahawa wanita mula melibatkan diri dengan perusahaan secara kecil-kecilan sejak sekian lama. Sikap yang ada pada seorang usahawan telah pun wujud dalam diri mereka. Kita mungkin tertanya-tanya dari mana mereka mendapat sumber kewangan sebagai modal memulakan perniagaan mereka? Kebanyakan mereka adalah para suri rumah yang mahu mencari pendapatan sampingan untuk keluarga sekali gus mereka turut membantu suami untuk mencari sumber rezeki. Untuk memulakan perusahaan secara kecil-kecil, mereka mungkin mendapat modal daripada simpanan sendiri ataupun ada di antara mereka yang membuat pinjaman, misalnya daripada Amanah Ikhtiar.



• Prof. Datuk Dr. Ismail Md. Salleh



"Hasil kajian saya terhadap usahawan wanita di Kelantan ini yang membuat pinjaman mereka tidak mempunyai masalah dari segi pembayaran balik pinjaman tersebut. Ini menunjukkan sifat-sifat keusahawanan yang lebih maju berbanding dengan kaum lelaki. Ini kerana ada di antara usahawan lelaki yang tidak mampu membayar balik pinjaman mereka," jelas Prof. Ismail.

Menurut beliau lagi, keupayaan kaum wanita melunaskan pinjaman walaupun secara beransur-ansur membuktikan bahawa corak *financial discipline* wanita lebih baik. Keadaan ini mungkin kerana pengaruh wanita yang sudah biasa menguruskan kewangan dalam rumah tangga. Misalnya menguruskan perbelanjaan rumah yang mana ia sekali gus mempunyai satu pendedahan pada mereka mengenai pentingnya disiplin kewangan ini. Jadi apabila mereka memulakan perniagaan, mereka terbawa-bawa sikap yang positif ini untuk menguruskan perniagaan berkenaan.

Permulaan perusahaan pada skala yang kecil di kalangan kaum wanita secara tidak langsung telah menambahkan jumlah penguasaan mereka dalam bidang ini. Sebaliknya, jelas Prof. Ismail, pada amnya penguasaan ekonomi di kalangan wanita masih lagi kecil terutamanya di kalangan wanita yang terlibat dalam dunia korporat. Namun beliau tidak menafikan bahawa jumlah itu akan meningkat dari semasa ke semasa memandangkan potensi wanita untuk dibangunkan sebagai guna tenaga yang efisien terbukti melalui kewujudan usahawan wanita dalam skala kecil dan juga sikap positif yang ada pada mereka. Katanya lagi, ada beberapa tokoh usahawan korporat yang telah menempa nama dan berjaya dalam bidang masing-masing tetapi kejayaan mereka ini tidak menggambarkan atau

mewakili wanita sebagai 50 peratus warganegara Malaysia. Oleh itu, beliau melihat adanya ruang serta potensi untuk meningkat masih terbuka luas bagi kaum wanita.

Menyentuh mengenai bank wanita pula, beliau yang memberi respons positif terhadap idea yang diutarakan oleh Wanita UMNO itu, jika idea ini dapat direalisasikan secepat mungkin ia bakal memberi faedah besar pada wanita khususnya yang ingin menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan bagi mereka yang telah pun beraoa dalam bidang ini. Ia juga bakal satu bentuk menjadi insentif daripada pihak kerajaan untuk membantu kaum wanita dalam mencari sumber kewangan untuk memulakan dan mengembangkan perusahaan mereka.

"Kita telah ada Bank Pertanian serta Bank Perindustrian. Jadi saya rasa idea untuk menubuhkan bank wanita adalah perkara yang amat positif untuk difikirkan bersama. Mungkin cara pengurusan, kemudahan yang disediakan nanti lebih sesuai dengan sikap feminisme wanita yang kita sedia maklum. Dalam masa yang sama pihak-pihak lain boleh bekerjasama dengan bank tersebut misalnya agensi kerajaan yang lain serta persatuan bukan kerajaan (NGO) untuk sama-sama menjanakan setiap program atau kemudahan yang disediakan.

"Sebenarnya di kalangan wanita ada tahap-tahap perusahaan yang mereka lakukan. Sama ada tahap rendah, sederhana dan besar. Mereka mungkin memerlukan tahap bantuan yang berbeza bergantung pada tahap perusahaan tersebut. Jadi, kita mesti mencari jalan supaya mereka mendapat bantuan yang sewajarnya. Misalnya kalau di tahap rendah mereka mungkin memerlukan modal, ataupun bagi usahawan di tahap tinggi, mereka memerlukan cara atau platform untuk meluaskan pasaran. Jadi keperluan

## **Pegangan ekuiti sebenarnya banyak bergantung pada keupayaan sesebuah masyarakat itu untuk menabung. Jadi rata-rata orang Melayu kekurangan pendapatan, apabila kekurangan pendapatan maka simpanan juga berkurangan**

mereka ini berbeza mengikut tahap perusahaan masing-masing. Barulah ia akan menjadi bantuan secara menyeluruh. Jika sebaliknya, akan ada usahawan yang gagal memohon bantuan kerana skala perniagaan mereka tidak memenuhi syarat yang ditetapkan. Oleh itu, saya rasa keperluan seperti inilah yang mungkin boleh disediakan oleh bank wanita atau mana-nama institusi kewangan," ujar Prof. Ismail.

Sementara itu, berkaitan dengan pegangan ekuiti orang Melayu yang telah menjadi isu sebelum ini, beliau berkata, wanita mampu untuk membantu meningkatkan pegangan ekuiti ini dengan pendapatan yang mereka perolehi hasil daripada perusahaan yang dijalankan.

Jelas beliau, pegangan ekuiti sebenarnya banyak bergantung pada keupayaan sesebuah masyarakat itu untuk menabung. Jadi rata-rata orang Melayu kekurangan pendapatan, apabila kekurangan pendapatan maka simpanan juga berkurangan.

Dalam hal ini apabila merujuk pada kaum wanita, mereka pandai berjimat cermat. Sesetengah daripada mereka ini walaupun tidak bekerja dan tidak mempunyai pendapatan sendiri tetapi wang yang diberikan oleh suami akan digunakan dengan bijak sehinggakan mereka mampu menyimpan sejumlah wang tersebut. Simpanan sedikit demi sedikit untuk tabungan. Apatah lagi wanita yang berjaya menjadi usahawan, mereka bukan saja mempunyai pendapatan sendiri tetapi dalam masa yang sama dengan tabungan yang mereka ada, ia sekali gus mampu meningkatkan ekuiti orang Melayu," katanya.

Sehubungan itu untuk menjanakan sebaik mungkin usahawan wanita ini dalam setiap aspek, beliau berkata, kaum wanita seharusnya diberi peluang untuk menunjukkan bakat masing-masing. Tidak seharusnya ada bentuk diskriminasi dalam hal ini. Beliau berkata demi-